

UNIT 2.2: PENGLIBATAN DALAM MAJLIS SUKA DAN DUKA DAN TEMPAT BERIBADAH
Menghormati Masjid

Isi tempat kosong dengan jawapan yang tepat.

Masjid Jam'e Asr Hasanil Bolkiah	Masjid	mulia	Rumah Allah	dakwah
keselesaan	majlis keagamaan	beribadah	utama	hukum

- a) Masjid merupakan tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wataa'la. Masjid juga merupakan sebuah tempat untuk umat Islam _____
- b) Masjid merupakan salah sebuah bangunan yang terpenting di negara ini. Terdapat dua buah masjid utama di Negara Brunei Darussalam. Salah sebuah masjid utamanya ialah _____
- c) Masjid adalah tempat yang paling suci dan mulia di sisi Allah Subhanahu Wataa'la. Masjid juga dikenali sebagai _____
- d) Salah satu cara menjaga kebersihan tempat-tempat beribadah ialah mematuhi _____ syarak iaitu tidak membenarkan masuk sesuatu yang ditegah atau dilarang ke dalam masjid dan tempat beribadah.
- e) _____ adalah rumah Allah yang digunakan oleh umat Islam sebagai pusat mengerjakan ibadah, pusat kegiatan Islam, pusat pendidikan dan majlis ilmu serta pusat penyatuan ummah.
- f) Kebersihan dan keindahan persekitaran kawasan masjid hendaklah dijaga bagi menjamin _____ orang yang hendak menggunakannya.
- g) Masjid Omar Ali Saifudin dan Masjid Jame Asr Hassanil Bolkiah adalah dua buah masjid _____ yang terletak di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- h) Masjid juga dijadikan tempat mengadakan _____.
- i) Sebagai umat Islam, kita mestilah menjaga kesucian masjid dengan menghormatinya, menjaga kebersihan bangunan masjid serta memelihara sikap dan perbuatan yang dilakukan dengan akhlak yang _____.

Pilih 5 cara menghormati masjid.

Buka kasut dan selipar sebelum masuk.
Menegur budak-budak yang bising
Jangan berludah atau membuang najis kecuali ditempat yang dihaskan.
Mencuci tangan dan kaki
Membuat perkara yang sia-sia
Jangan buang sampah atau sisa makanan dan minuman di merata tempat.
Tempat bersolat mesti dibersihkan supaya tidak terdapat sebarang najis.
Menjaga kemudahan masjid
Mematuhi hukum syarak iaitu tidak membenarkan masuk sesuatu yang ditegah ke dalam masjid dan tempat beribadah.

Pilih 5 cara berakhlak mulia ketika berada di tempat-tempat beribadah.

Membersihkan luar masjid
Beribadah dengan niat kerana Allah.
Berdiri tegak dan berdoa
Tidak bermain-main.
Menjaga harta benda masjid.
Menghadap kiblat
Tidak bising dan bergurau senda dalam masjid
Duduk dengan tertib dan teratur
